

Sime Darby Property Melancarkan Bandar Hamilton di Malaysia Vision Valley 2.0

- Dengan keluasan 2,723-ekar, Bandar Hamilton adalah taman perindustrian terus (*'managed industrial park'*) yang berfokuskan kepada aktiviti perindustrian sederhana dan berat;
- Pembangunan ini bertujuan menarik pelaburan langsung bagi Malaysia Vision Valley 2.0, seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan bagi 740,000 penduduk yang menetap di kawasan sekitarnya;
- Lokasi strategik di Nilai meletakkan Bandar Hamilton sebagai tarikan bagi perniagaan yang menginginkan pilihan perusahaan atau pergudangan yang cekap di luar Lembah Klang.

NILAI, 26 OKTOBER 2021 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah melancarkan ‘Bandar Hamilton’ di Nilai, Negeri Sembilan bagi meneruskan komitmen Syarikat dalam membangunkan koridor pertumbuhan baharu di Malaysia Vision Valley 2.0 (“MVV 2.0”).

Bandar Hamilton yang berkeluasan 2,723-ekar merupakan taman perindustrian terus (*'managed industrial park'*) yang berfokuskan kepada aktiviti perindustrian sederhana dan berat, serta dibangunkan untuk meningkatkan kegiatan sosioekonomi di perbandaran tersebut.

MVV 2.0 merupakan kawasan ekonomi bersepadu yang melengkapkan pembangunan ‘*Greater Kuala Lumpur*’ dan ‘*National Conurbation*’, serta diiktiraf sebagai salah satu daripada 17 Zon Pembangunan Digalakkan (*'Promoted Development Zones'*) yang diutamakan di bawah Pelan Fizikal Negara (*'National Physical Plan'*). Dengan empat pemacu ekonomi iaitu Industri Berteknologi Tinggi; Pelancongan Kesihatan; Pendidikan dan Penyelidikan Berasaskan Kemahiran; serta Perkhidmatan Khusus, MVV 2.0 meletakkan sasaran untuk menjadi pusat perindustrian bertaraf global.

Dalam ucapan beliau di majlis pelancaran Bandar Hamilton, Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Hj. Aminuddin bin Harun berkata, “Melalui MVV 2.0, Kerajaan Negeri telah merangka pelan untuk merangsang ekonomi di Negeri Sembilan dengan menyasarkan pemain-pemain industri utama yang mampu memberi impak menyeluruh. Saya yakin projek-projek yang dilaksanakan oleh Sime Darby Property akan menjadi pemangkin kepada pembangunan MVV

2.0. Bandar Hamilton kini bersedia untuk melangkah ke fasa seterusnya untuk menjadikan Negeri Sembilan sebuah bandar yang mampan menjelang tahun 2045.”

Bandar Hamilton akan dibangunkan oleh Sime Darby Property menerusi empat fasa, dengan Fasa 1, 2 dan 4 difokuskan untuk aktiviti perindustrian sederhana dan berat, manakala Fasa 3 pula akan dibangunkan khusus untuk perindustrian ringan yang akan dilengkapi dengan kilang berkembar dan separa berkembar siap dibina dan berkonsepkan taman perindustrian terurus (*‘managed industrial park’*). Siri pembangunan industri bercampur ini bersesuaian dengan keperluan berbeza mengikut jenis perniagaan, serta mampu untuk membangunkan komuniti berasaskan industri. Pembangunan ini juga dijangka dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu bagi 740,000 penduduk yang menetap di kawasan sekitarnya.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata lokasi Bandar Hamilton yang strategik di Nilai menjadikan perbandaran tersebut sebagai lokasi perusahaan atau pergudangan yang menarik dan dilengkapi akses kepada infrastruktur penting seperti jaringan lebuh raya bagi perniagaan-perniagaan yang mencari alternatif di luar Lembah Klang.

“Kami komited untuk terus mengembangkan segmen industri dan logistik Syarikat dengan memanfaatkan tren perdagangan global yang semakin beralih kepada pembelian atas talian. Bandar Hamilton menyediakan akses ke Lebuh raya Utara-Selatan, Lebuh raya Utara-Selatan Lingkaran Tengah (“ELITE”), serta Lebuh raya Nilai-Labu yang akan dibuka pada masa hadapan. Jaringan lebuh raya ini akan menghubungkan Bandar Hamilton dengan hab-hab logistik utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang, serta produk-produk Sime Darby Property Industrial lain, antaranya di Bandar Elmina, Bandar Bukit Raja, dan Bandar Serenia,” kata Dato’ Azmir.

Pada bulan Jun tahun ini, Sime Darby Property telah berjaya merekodkan sebanyak 100% tempahan bagi pelancaran produk pertama Bandar Hamilton, iaitu lot industri bersaiz satu hingga sembilan ekar, yang merangkumi jualan sebanyak 42 lot perindustrian kepada syarikat tempatan dan juga antarabangsa. Perbandaran industri ini juga bakal menempatkan taman rekreasi berlandskap, direka bagi mewujudkan persekitaran yang hijau, dengan laluan jogging khusus sepanjang tasik.

Pelancaran Bandar Hamilton memajukan rancangan pertumbuhan strategik Sime Darby Property untuk menjadi sebuah syarikat pembangunan hartanah bersepadu menjelang 2025. Syarikat juga baru-baru ini mengumumkan pembentukan usaha sama dengan LOGOS Property dalam mewujudkan platform pengurusan dana untuk sektor logistik, serta menyediakan perkhidmatan pembangunan sebagai sebahagian daripada pertumbuhannya dalam sektor ini.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property ialah satu-satunya pemaju hartanah di Malaysia yang telah diiktiraf oleh Carbon Disclosure Project untuk inisiatif pengurusan karbon dan inisiatif syarikat dalam melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Ia merupakan pemaju hartanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju hartanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.simedarbyproperty.com

Media Contact: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

For General Enquiries please e-mail group.communications@simedarbyproperty.com